

SME Credit Bureau Renamed Credit Bureau Malaysia

KUALA LUMPUR, Oct 8 (Bernama) -- In line with the initiative to establish a one-stop centre for credit information services, SME Credit Bureau Sdn Bhd has been renamed Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd.

The name change by its shareholders Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd, Dun & Bradstreet Malaysia Sdn Bhd and the Association of Banks in Malaysia is also to reflect the transformation of the bureau from provider of small and medium enterprise (SME) credit information into a full-fledged credit bureau.

The bureau now offers reliable credit information and ratings of micro businesses as well, said Credit Guarantee Corporation in a statement Friday.

Through the inclusion of consumer credit services, the bureau has now expanded its products services like credit reports with consumer score, data analytical and mobility services, it said.

The bureau planned to expand its range of products and services, including credit reports with consumer score, data analytics and mobility services.

"The availability of a recognised consumer score and non-banking data, such as telecos and utilities, would facilitate an objective and balanced assessment of a borrower's credit standing," said Credit Bureau Malaysia's chairman Datuk Wan Azhar Wan Ahmad.

"This will effectively reduce the dependency on evaluation based solely on financial or banking credit data, which may not be available for a newcomer or startup in the credit market," he said.

To date, the bureau has 39 financial institutes and over 28,000 small and medium enterprises as members.

For the first nine months of this year, it had recorded a 300 per cent growth in report usage, increasing from 3,000 reports in January to 12,000 reports in September.

-- BERNAMA

StarBiz

Saturday October 9, 2010

SME Credit Bureau gets new name

PETALING JAYA: SME Credit Bureau Sdn Bhd is now known as Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd.

The change was to reflect Credit Bureau expanded services from not only as provider of information on Small and Medium sized Enterprises (SME), but also on micro businesses.

“By expanding its offering to include consumer credit information services, the Bureau has positioned itself to support micro business,” said Credit Guarantee Corp Malaysia Bhd (CGC).

Credit Bureau is owned by CGC, Dun & Bradstreet Malaysia Sdn Bhd and The Association of Banks in Malaysia.

Berita Harian

2010/10/09, Oleh Suffian A Bakar, suffian@bharian.com.my

SME Credit Bureau kini dikenali CBM

Transformasi wujud pusat maklumat setempat

SME Credit Bureau Sdn Bhd kini dijenamakan semula dan dikenali sebagai Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM) sejajar dengan usaha membangunkan sebuah pusat perkhidmatan maklumat kredit setempat.

Pengerusinya, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, berkata perkara itu sudah mendapat mandat daripada pemegang sahamnya iaitu Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd, Dun & Bradstreet Malaysia Sdn Bhd dan Persatuan Bank-Bank di Malaysia.

Katanya, penukaran nama yang turut disokong Bank Negara Malaysia itu, mencerminkan proses transformasi Biro daripada penyedia maklumat kredit perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kepada sebuah biro kredit sepenuhnya yang mampu menyediakan maklumat kredit tepat dan juga penilaian kredit perusahaan mikro.

“Dengan adanya perkhidmatan maklumat kredit bagi konsumen dalam rangkaian perkhidmatannya, pihak Biro menempatkan kedudukannya dalam memberi sokongan kepada perusahaan mikro sebagai usaha menjadikan sektor itu sebahagian daripada ekonomi negara.

“Sehubungan itu, perusahaan mikro mampu membangun dan berkembang sejajar sektor ekonomi lain,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur semalam.

Wan Azhar berkata, dengan pembabitan konsumen, pihaknya bercadang memperluaskan lagi rangkaian produk dan perkhidmatannya, termasuklah menyediakan laporan kredit berserta penilaian konsumen, analisis data dan perkhidmatan mobiliti.

Matlamatnya adalah untuk menyediakan platform efektif dengan mekanisme yang diyakini dan mudah digunakan oleh pembiaya kewangan, bagi menilai peminjam dan juga bagi membentuk rekod prestasi peminjam, katanya.

Bagi meningkatkan pangkalan datanya, pihaknya akan menyatukan maklumat daripada sumber maklumat kredit yang boleh dipercayai seperti Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), syarikat telekomunikasi, penyedia kemudahan utiliti serta syarikat kredit dan pajakan.

Langkah itu, katanya dijangkakan akan menambah baik proses yang membabitkan integriti data dan keselamatan dalam melindungi maklumat sulit.

Wan Azhar berkata, pihaknya mempunyai matlamat jangka panjang untuk menyediakan satu sistem penilaian yang akan membolehkan peminjam berpotensi untuk mengekalkan rekod prestasi yang mampu membantu mereka mendapatkan pembiayaan.

Biro ditubuhkan pada Julai 2008 dan setakat ini mempunyai ahli terdiri daripada 28,000 IKS dan 39 institusi kewangan.

Pelanggannya terdiri daripada penyedia perkhidmatan kredit korporat daripada syarikat multinasional, syarikat pembiaya dan pajakan serta konglomerat tempatan.

SME Credit Bureau diberi nama baharu

KUALA LUMPUR 8 Okt.- SME Credit Bureau Malaysia Bhd. telah diberikan nama baharu iaitu Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd. (Credit Bureau Malaysia) sejajar dengan usahanya untuk membangunkan sebuah pusat setempat perkhidmatan maklumat kredit.

Credit Bureau Malaysia dalam kenyataannya di sini berkata, pertukaran nama itu disokong oleh Bank Negara Malaysia sebagai menunjukkan transformasi entiti itu sebagai penyedia maklumat kredit tunggal perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ia juga menawarkan maklumat kredit dan penarafan kepada perniagaan mikro.

Pengerusinya, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad berkata, perniagaan mikro juga adalah satu daripada segmen pasaran yang besar.

Katanya, bagi meningkatkan lagi pangkalan datanya, syarikat akan bekerjasama dengan selagi sumber maklumat kredit terkenal seperti Central Credit Reference Information System (CCRIS), syarikat telekomunikasi dan pelbagai lagi syarikat-syarikat utiliti.

"Kebolehan mengenal pasti data-data bukan perbankan akan memudahkan lagi penilaian kredit," kata Wan Azhar.

Beliau menambah, objektif jangka panjang Credit Bureau Malaysia adalah untuk menyediakan sistem penarafan yang boleh dipercayai sekaligus membolehkan peminjam berpotensi mengekalkan rekod baik dan memudahkan mereka mendapatkan pembiayaan.

Peranan Credit Bureau semakin meluas

KUALA LUMPUR – Sejalan dengan usaha untuk membangunkan sebuah pusat perkhidmatan maklumat kredit setempat, SME Credit Bureau Sdn. Bhd. kini dikenali sebagai Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd. (Credit Bureau).

Transformasi tersebut bertujuan menjadikan institusi itu berperanan sebagai sebuah biro kredit sepenuhnya dengan menyediakan maklumat kredit tepat termasuk penilaian kredit perusahaan mikro berbanding peranan sedia ada iaitu sebagai penyedia maklumat kredit perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Pengerusi Credit Bureau, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad (**gambar**) berkata, cadangan penukaran tersebut telah diterima baik oleh semua pemegang saham Credit Bureau dan disokong oleh Bank Negara Malaysia.

Para pemegang sahamnya ialah Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd., Dun & Bradstreet Malaysia Sdn. Bhd. dan Persatuan Bank-bank di Malaysia.

“Perusahaan mikro merupakan segmen pasaran yang besar dan sering kali dikategorikan sebagai konsumer atau peminjam individu oleh institusi dan pembiayaan kewangan. Ini mengehad-

kan keupayaan mereka untuk memperoleh pembiayaan.

“Melalui perkhidmatan maklumat kredit bagi konsumer dalam rangkaian perkhidmatannya, Credit Bureau telah menempatkan kedudukannya untuk mem-

beri sokongan kepada perusahaan mikro sebagai usaha menjadikannya sebahagian daripada ekonomi negara,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Selain itu, Credit Bureau berhasrat meluaskan lagi rangkaian produk dan perkhidmatannya seperti penyediaan la-

poran kredit dan penilaian konsumer, analisis data dan perkhidmatan mobiliti.

Tindakan itu bertujuan mewujudkan sebuah platform yang efektif dengan mekanisme yang boleh dipercayai oleh pembiaya kewangan bagi menilai golongan peminjam dan membentuk rekod prestasi para peminjam.

Untuk memantapkan lagi pangkalan datanya, penyatuan maklumat daripada sumber-sumber maklumat kredit seperti *Central Credit Reference Information System (CCRIS)*, syarikat-syarikat telekomunikasi, penyedia kemudahan utiliti serta syarikat-syarikat kredit dan pajakan akan dilaksanakan.

